

15- Kitab Al-Janā'iz¹

¹ Memang tiada kaitan secara langsung di antara Kitab al-Janā'iz ini dengan Kitab al-Kharāj Wa al-Fai' sebelumnya. Perlulah difahami bahawa Kitab al-Kharāj Wa al-Fai' itu tidaklah berdiri sendiri, ia hanyalah satu Kitab lanjutan bagi Kitab al-Jihād. Kesinambungan Kitab al-Janā'iz sebenarnya adalah dengan Kitab al-Jihād dan Kitab-kitab lain selepasnya, iaitu Kitab ad-Dhahāya (Kitab Tentang Binatang Korban), Kitab al-Washāya (Kitab Tentang Wasiat-wasiat) dan seterusnya Kitab al-Farā'idh (Kitab Tentang Pembahagian Pesaka).

Memanglah terdapat kesesuaian yang sangat jelas di antara Kitab al-Janā'iz dengan Kitab al-Jihād dan Kitab-kitab yang tersebut selepasnya itu. Sebabnya ialah jihad itu seolah-olahnya merupakan semboyan bagi kematian. Ia meletakkan manusia begitu dekat dengan kematian. Manusia yang berjihad pada hakikatnya mempertaruhkan nyawanya.

Kitab ad-Dhahāya, Kitab al-Washāya dan Kitab al-Farā'idh juga, semuanya berkaitan dengan kematian.

Di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, Kitab al-Janā'iz terus terletak selepas Kitab as-Shalat. Sebabnya ialah jenazah juga disembahyangkan. Semasa hidup semua shalat perlu dikerjakan sendiri oleh orang yang beriman, setelah mati (meninggal dunia) pula, tidak dapat lagi ia mengerjakannya sendiri, sebaliknya orang lainlah yang perlu menyembahyangkan jenazahnya. Di sinilah terletak kesinambungan di antara dua Kitab tersebut menurut Bukhari dan Muslim.

Di dalam Sunan at-Tirmidzi pula Kitab al-Janā'iz terletak selepas Kitab al-Hajj. Dengan meletaknya selepas Kitab al-Hajj, Imam at-Tirmidzi mengisyaratkan kepada maksud dan tujuan seseorang mu'min melaksanakan semua rukun Islam itu ialah untuk menghadapi hari akhirat yang bermula selepas kematiannya. Seolah-olahnya itulah bekal untuk hari kemudiannya.

Menurut pengarang al-Manhalul 'Adzbul Maurūd (Syeikh Mahmud Muhammad Khatthāb as-Subki m.1352H), tertib yang dikemukakan ini adalah berdasarkan riwayat al-Lu'lu'i (Abu 'Ali Muhammad bin Ahmad bin 'Amar al-Bashri al-Lu'lu'i m.333H). Berdasarkan muskhaf yang dipakai oleh al-Aini dan al-Khatthābi untuk Syarah mereka, Kitab al-Janā'iz ini tersebut selepas Kitab as-Shalat. Dan itu tidak berdasarkan riwayat al-Lu'lu'i.

Tertib itu lebih sesuai, memandangkan apa yang paling penting dilakukan terhadap mayat (orang mati) ialah menyembahyangkan jenazahnya. Jadi menyebutkannya selepas Kitab as-Shalah lebih sesuai. Imam Bukhari di dalam Sahihnya dan pengarang-pengarang kitab-kitab fiqh juga meletakkan Kitab al-Janā'iz ini selepas Kitab as-Shalah.

١- باب الأمراض المكفرة للذنوب

Bab (1): Penyakit-Penyakit Yang Menghapuskan Dosa-Dosa.²

٣٠٨٩- حدثنا عبد الله بن محمد الثفيلي حدثنا محمد بن سلمة عن محمد بن إسحق قال حدثني رجل من أهل الشام يقال له أبو منظور عن عمه قال حدثني عيسى بن عامر الزماني أخو الحضر قال أبو داود قال الثفيلي هو الحضر ولكن كذا قال قال إني لبلادنا إذ رفعت لنا رايات والوثة فقلت ما هذا قالوا هذا لواء رسول الله صلى الله عليه وسلم فاتينته وهو تحت شجرة قد بسط له كساء وهو جالس عليه وقد اجتمع إليه أصحابه فجلست إليهم فذكر رسول الله صلى الله عليه وسلم الأسقام فقال إن المؤمن إذا أصابه الشقم ثم أعفاه الله منه كان كفارة لما

Janā'iz adalah kata jama' bagi perkataan janāzah. Perkataan جنزة itu pula dibaca jīmnya dengan fathah (baris atas) dan juga kasrah (baris bawah). Menurut sesetengah ahli bahasa (Arab), dengan fathah jīm ia bererti mayat (orang mati). Dengan kasrah jīm pula ia bererti keranda. Sementara sesetengah mereka (ahli bahasa) pula menterbalikkan erti yang tersebut tadi. Dengan fathah jīm ia bererti keranda. Dengan kasrah jīm pula ia bererti mayat.

Perkataan جنزة itu berpunca daripada mashidarnya جُزِرَ daripada bab ضرب. Maksudnya ialah menutup. Boleh juga kata mashidarnya itu dipakai dengan erti isim maf'ulnya مجزور yang bererti مستور (yang ditutupi). Ini kerana orang mati itu selayaknya ditutupi, sesuai dengan arahan Rasulullah s.a.w. supaya mayat ditutupi setelah ia menghembuskan nafas terakhirnya. Mendedalikan muka mayat tanpa keperluan juga tidak sopan, malah semasa memandikannya juga auratnya perlu ditutupi dengan sempurna.

² Oleh kerana penyakit-penyakit merupakan muqaddimah atau pendahuluan bagi kematian, maka wajarlah Kitab al-Janā'iz dimulakan dengannya. Apakah penyakit-penyakit menghapuskan dosa-dosa semua manusia? Tajuk bab ini bersama hadits di bawahnya menjawab bahawa tidak. Ia hanya menghapuskan dosa orang-orang mu'min yang bersifat dengan beberapa sifat tertentu sahaja, iaitu:

- (1) Sabar atas ujian berupa penyakit yang menimpanya.
- (2) Percaya bahawa penghapusan dosa itu berlaku hanya dengan rahmat Allah semata-mata.
- (3) Tidak menyatakan keresahan dan kegelisahannya.
- (4) Penyakit yang menimpanya menjadi pengajaran kepadanya dan menginsafkannya dalam menghadapi kehidupan selepas ini.
- (5) Tidak merungut-rungut dan berleter-leter, membayangkan ketiadaan redhanya dengan qadhā' dan Qadar Allah s.w.t.

مضى من ذنوبه وموعظة له فيما يستقبل وإن المناق إذا مرض ثم أعفى كان كالبعير عقله أهله ثم أرسلوه فلم يدر لم عقلوه ولم يدر لم أرسلوه فقال رجل ممن حوله يا رسول الله وما الأسقام والله ما مرضت قط فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم قم عنا فليست منا فبينما نحن عنده إذ أقبل رجل عليه كساء وفي يده شيء قد التفت عليه فقال يا رسول الله إني لما رأيته أقبلت إليك فمررت بغصنة شجر فسمعت فيها أصوات فراح طائر فأخذتهن فوضعتهن في كسائي فجاءت أمهين فاستدارت علي رأسي فكشفت لها عنهن فوقع عليهن معهن فلنقتهن بكسائي فهن أولاء معي قال ضعهن عنك فوضعتهن وأبت أمهين إلا لزومهن فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم لأصحابه اتعجبون لرحم أم الأفراح فراحها قالوا نعم يا رسول الله صلى الله عليه وسلم قال فوالذي بعثني بالحق لله أرحم بعباده من أم الأفراح بفراخها أرجع من حتى تضعهن من حيث أريدن وأمهين معهن فرجع من.

3089 – ‘Abdullah bin Muhammad an-Nufaili meriwayatkan kepada kami, katanya: Muhammad bin Salamah meriwayatkan kepada kami daripada Muhammad bin Ishaq, katanya: Ada seorang laki-laki dari Syam yang dipanggil Abu Manzhūr, meriwayatkan kepadaku daripada bapa saudaranya, katanya: Bapa saudaraku meriwayatkan kepadaku daripada ‘Aamir ar-Rāmi³ saudara al-Khudhr.⁴ Kata Abu Daud, “Menurut an-Nufaili dia adalah al-Khudhr, akan

³ Kata Hafizh Ibnu Hajar di dalam Tahdzīb at-Tahdzīb, ‘Aamir ar-Rāmi (الرامي) tanpa yā’ di akhirnya. Kata sesetengah ‘ulama’, الراسي dengan ada yā’ di akhirnya. Beliau adalah saudara al-Khudhr bin Muḥārib. Terbilang sebagai salah seorang sahabat. Beliau meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. hadits ini: **إِنَّ السُّؤْسَ إِذَا ابْتُلِيَ ثُمَّ عَافَاهُ اللَّهُ كَانَ كَفَّارَةً لِّذُنُوبِهِ** hingga ke akhir hadits.

Di dalam al-Ishābah pula beliau berkata, “‘Aamir ar-Rāmi (الرامي), saudara al-Khudhr al-Muḥāribi daripada anak Malik bin Muḥarrif bin Khalaf bin Muḥārib. Dikatakan kepada anak Malik ‘al-Khudhr’, kerana warna kulitnya sangat gelap. ‘Aamir seorang pemanah yang handal. Kerana itulah beliau digelar dengan ar-Rāmi. Beliau juga seorang penya’ir.

⁴ Isnad hadits 3089 ini dha’if, di dalamnya ada perawi bernama Abu Manzhūr. Al-Khazraji di dalam al-Khulāshah (m/s 461) menulis, “Abu Manzhūr yang meriwayatkan daripada bapa saudara sebelah bapanya (pak cikunya) itu majhūl. Ibnu Ishaq meriwayatkan haditsnya.” Di dalam at-Taqrīb Hafizh Ibnu Hajar menulis, “Abu Manzhūr as-Syāmi, perawi dari thabaqah ke-6 itu majhūl.” Pak cikunya juga majhūl. Tidak terdapat namanya di dalam kitab-kitab Rijāl hadits.

Walaupun hadits ini dha'if, ma'nanya secara borong, terutamanya yang berkaitan dengan tajuk bab tetap benar, lantaran ia bersesuaian dengan apa yang tersebut di dalam al-Qur'an, darjatnya juga boleh meningkat naik sehingga menjadi hasan li ghairih dan sahih li ghairih kerana syawahidnya yang banyak. Kerana itulah Imam Abu Daud menerimanya. Antara ayat al-Qur'an yang bersesuaian dengannya ialah firman Allah berikut:

وَمَا أَصَابَكُمْ مِّنْ مُّصِيبَةٍ فَبِمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ ﴿٣٠﴾

Bermaksud: Dan apa jua yang menimpa kamu berupa kesusahan (musibah), maka ia disebabkan oleh apa yang kamu sendiri lakukan (berupa perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa); dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu. (asy-Syura:30).

Antara syawahid bagi hadits 3089 ini pula ialah hadits-hadits berikut:

(١) عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَا مِنْ مَرَضٍ، أَوْ وَجَعٍ، يُصِيبُ الْمُؤْمِنَ إِلَّا كَانَ كَفَّارَةً لِّذَنْبِهِ، حَتَّى الشَّوْكَةُ يُشَاكُّهَا، أَوِ الثُّكْبَةُ يُلْكِبُهَا

Bermaksud: 'Aaishah meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tiada satu pun penyakit atau kesakitan yang menimpa orang mu'min melainkan ia menjadi kaffarah (penghapus) dosanya, sehinggakan duri yang menyucuknya sekalipun atau bencana yang menimpanya." (Hadits riwayat 'Abdur Razzaaq, Ahmad, Ishaq bin Rāhawaih, Ibnu Hibbaan dan al-Baihaqi).

(٢) عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ وَأَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّهُمَا سَمِعَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّ الْمُؤْمِنَ لَا يُصِيبُهُ وَضَبٌ، وَلَا نَصَبٌ، وَلَا حَزَنٌ، وَلَا سَقَمٌ، وَلَا أَدَى حَتَّى يَهْمُهُ، إِلَّا يَكْفُرَ اللَّهُ عَنْهُ مِنْ سِتِّئَاتِهِ.

Bermaksud: Abu Sa'id al-Khudri dan Abu Hurairah meriwayatkan bahawa mereka berdua telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tidak ada penyakit (yang berpanjangan), kepenatan, kesedihan, penyakit (biasa), gangguan, sehinggakan kesedihan yang dialami seseorang mu'min, melainkan Allah mengkaffarahkan (menghapuskan dengan sebabnya) dosa-dosanya. (Hadits riwayat Ahmad, Muslim, Ibnu Abi Syaibah dan al-Baihaqi).

(٣) عَنْ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: دَخَلْتُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يُوعَكُ فَمَسَسَنِي، فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّكَ لَتُوعَكُ وَتَعَكُ شَدِيدًا؟ قَالَ: "أَجَلٌ، إِنْ أُوْعِكَ كَمَا يُوعَكُ رَجُلَانِ مِنْكُم"، قُلْتُ: إِنَّ لَكَ أَجْرَيْنِ؟ قَالَ: "نَعَمْ، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، مَا عَلَى الْأَرْضِ مُسْلِمٌ يُصِيبُهُ أَدَى، مِنْ مَرَضٍ فَمَا سِوَاهُ، إِلَّا حَطَّ اللَّهُ عَلَيْهِ بِهِ خَطَايَاهُ كَمَا تَحْطُ الشَّجَرَةُ وَرَقَهَا.

Bermaksud: 'Abdullah bercerita, katanya: Aku masuk menemui Nabi s.a.w. ketika Baginda s.a.w. sedang demam. Aku menyentuhnya lalu berkata, "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya engkau sedang demam teruk. Nabi s.a.w. menyalut dengan katanya, "Ya, Aku demam seperti dua orang di kalanganmu demam." Kata 'Abdullah, "Kalau begitu engkau dapat dua pahalakah?" Baginda menjawab, "Ya, demi Tuhan yang nyawaku berada di tanganNya, tidak ada seorang pun orang muslim yang ditimpa gangguan, baik penyakit atau lain-lain melainkan Allah menggugurkan daripadanya dosa-dosanya sepertimana pokok menggugurkan daun-daunnya. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Ibnu Hibbaan, ad-Daarimi, Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain).

tetapi demikianlah ia disebut perawi (Muhammad bin Salamah).⁵ Kata beliau ('Aamir ar-Rāmi), "Sesungguhnya aku berada di negeri sendiri, tiba-tiba diangkat kepada kami beberapa bendera dan panji-panji. Aku bertanya (orang): Apa ini? Kata Mereka, ini adalah bendera Rasulullah s.a.w. Aku pun datang (/pergi) kepadanya, Baginda sedang berada di bawah satu pokok, telah dihamparkan untuknya kain, dan Baginda dalam keadaan duduk di atasnya, para sahabatnya pula sedang mengerumuninya. Lalu aku duduk di samping mereka. Rasulullah s.a.w. menyebutkan penyakit-penyakit, lantas bersabda, "Sesungguhnya seorang mu'min apabila ditimpa penyakit, kemudian Allah menyembuhkannya, maka penyakit (yang telah memimpinya) itu merupakan penghapus dosa-dosanya yang lepas⁶ dan sebagai nasihat (peringatan) baginya untuk waktu yang akan datang.⁷ Dan sesungguhnya orang munafik apabila sakit kemudian disembuhkan, ia seperti unta yang diikat pemiliknya, kemudian mereka melepaskannya. Ia tidak mengerti kenapa mereka mengikatnya, dan tidak juga mengerti kenapa mereka melepaskannya.⁸ Tiba-tiba seorang laki-laki di antara orang-orang yang ada di sekitarnya berkata, wahai Rasulullah! Penyakit itu apa? Demi Allah aku belum pernah sakit sama sekali. Maka Rasulullah s.a.w. berkata, "Bangkit dan

⁵ Kesimpulannya ialah yang benul dan yang masyhur berkenaan dengan nama saudara 'Aamir itu ialah al-Khudhri, tetapi guruku (Muhammad bin Salamah) menyebutnya al-Khadrī. Apa yang disebutnya itu tidak sahili dan tidak masyhur.

⁶ Yang pasti terhapus ialah dosa-dosa kecilnya. Dosa-dosa besarnya juga mungkin terhapus jika ia ingat kepada Allah dan bertaubat serta insaf pada ketika menderita sakit itu. Dan memang begitulah halnya orang mu'min apabila sakit.

⁷ Sebabnya ialah apabila seseorang mu'min jatuh sakit, ia akan ingatkan mati dan pertemuannya dengan Allah, pada ketika itu Allah akan mengira segala ma'shiat yang telah dilakukannya semasa di dunia dahulu. Mengingatkan semua itu, ia bertekad untuk tidak melakukannya lagi.

⁸ Orang munafiq walaupun ditimpa penyakit, ia tetap lalai dan leka. Ia tidak ingatkan mati dan pertemuannya dengan Allah. Kerana itulah ia tetap tidak bertaubat daripada ma'shiat-ma'shiat yang telah dilakukannya, sebaliknya marah kepada Allah dan tidak sabar menghadapi ujianNya. Dalam keadaan marah dan tidak sabarunya itu penyakit yang memimpinya ternyata tidak berguna apa-apa kepadanya, baik pada masa lalu mahupun pada masa hadapan. Malah penyakit itu menambalikan lagi penderitaannya, lantaran hatinya tetap sibuk dengan cintakan dunia dan kenikmatannya.